

JABATAN LAUT SEMEMANJUNG MALAYSIA
PULAU PINANG

PEKELILING PELABUHAN NO. 2 TAHUN 1998


DARIPADA : PENGARAH LAUT WILAYAH UTARA, PULAU PINANG.
KEPADA : MASYARAKAT PERKAPALAN WILAYAH UTARA
(PULAU PINANG/KEDAH/PERLIS/PERAK)
TARIKH : 9 JULAI 1998

PENGUATKUASAAN KOD PENGURUSAN KESELAMATAN ANTARABANGSA
(ISM CODE)

1. Adalah dimaklumkan bahawa melalui notis Perkapalan Saudagar bil. 1/1998 bertarikh 12hb. Mei, 1998, semua pemilik dan pengusaha kapal diingatkan supaya memastikan kapal-kapal mematuhi dan memenuhi keperluan-keperluan ISM Code. Kapal-kapal yang tertakluk kepada pemakaian ISM Code adalah kapal-kapal yang membuat pelayaran antarabangsa sahaja. Kapal-kapal yang berkenaan ialah:-

<u>JENIS</u>	<u>TANAN</u>
1) Kapal Perompang	Tiada Had
2) Kapal Perompang Kelajuan Tinggi	Tiada Had
3) Kapal Kargo Kelajuan Tinggi	Tiada Had
4) Kapal Pengangkut Pukul	500 GT dan keatas
5) Kapal Tangki Minyak	500 GT dan keatas
6) Kapal Tangki Kimia	500 GT dan keatas
7) Kapal Pengangkut Gas	500 GT dan keatas

2. Penguatkuasaan Kod Pengurusan Keselamatan Antarabangsa (ISM CODE) telah berkuatkuasa pada 1hb. Julai 1998. Sekiranya kapal-kapal tersebut di atas tidak mematuhi keperluan ISM Code, kapal-kapal adalah tidak dibenarkan masuk ke mana-mana Pelabuhan di Malaysia atau dibenarkan belayar ke mana-mana Pelabuhan di Luar Malaysia sehingga Sistem Pengurusan Keselamatan (SMS) telah diwujudkan terhadap kapal berkenaan.


.....
(SHAMSIR BIN MOHAMED)
b.p. Pengarah Laut,
Jabatan Laut Wilayah Utara,
Pulau Pinang.